

24/01/1997

3 sekolah bestari mula operasi 1999

Syuhada Choo Abdullah; Ghazali Musa

TIGA sekolah bestari pertama di negara ini yang dilengkapi pelbagai kemudahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) berteknologi moden akan mula beroperasi pada Januari 1999.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus, berkata pelaksanaan itu akan disusuli oleh 80 sekolah lain yang ketika ini terbabit dengan projek perintis berkaitan teknologi, untuk diintegrasikan sebagai sekolah bestari.

"Kerajaan akan melaksanakan projek besar ini secara berperingkat dalam beberapa frasa.

"Menjelang tahun 2000, kira-kira 500 sekolah bestari di seluruh negara dengan hampir 300,000 pelajar akan beroperasi," katanya ketika berucap merasmikan persidangan dan pameran Oracle Open World Malaysia 1997 yang dijadualkan berlangsung selama dua hari di Kuala Lumpur, semalam.

Sebelum ini Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, dilaporkan sebagai berkata kementerian sedang dalam proses menyiapkan kertas cadangan bagi Kurikulum Bestari yang akan menggabungkan penggunaan IT sebagai bantuan pembelajaran dan pendidikan bagi program sekolah bestari.

Sebagai permulaan, Najib berkata, kementerian akan memperkenalkan pembelajaran berbantu komputer dalam empat mata pelajaran, iaitu Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Khalid berkata, projek sekolah bestari adalah antara lapan aplikasi khusus yang digariskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sejajar dengan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Katanya, langkah menuju ke era baru dengan kepentingan bidang teknologi maklumat (IT) itu adalah selaras dengan matlamat Malaysia menjadi sebuah negara yang membangun sepenuhnya menjelang 2020.

"Pembangunan sekolah bestari akan menjadi paksi membentuk minda seluruh generasi di Malaysia bagi mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dalam zaman informasi kelak.

"Selain itu, ia juga memastikan pembangunan masyarakat akan datang bukan hanya mampu menggunakan maklumat tetapi turut menemui langkah baru untuk pembelajaran dan penggunaan informasi secara pintar serta kreatif," katanya.

Beliau berkata, teknologi akan digunakan untuk menyokong transformasi berkenaan menerusi aplikasi terkini seperti pengajian jarak jauh (PJJ), bilik darjah virtual, pusat sumber elektronik, rangkaian komuniti, dan hubungan merentasi seluruh negara serta dunia.

Sehubungan itu, menurutnya, rombongan Dr Mahathir berlepas ke Amerika Syarikat bagi mendapatkan rakan pintar serta pakar asing yang memiliki pengetahuan dan bersedia bekerjasama merealisasikan projek MSC.

"Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pemimpin IT supaya terbabit menjayakan projek sekolah bestari," katanya.

(END)